

14/10/1998

#### Gagasan lancar Kempen Riben Putih

KUALA LUMPUR, Selasa - Gagasan Demokrasi Rakyat (Gagasan) yang disertai beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan parti politik, hari ini melancarkan Kempen Riben Putih sebagai simbol perjuangan rakyat menuntut keadilan berasaskan prinsip demokrasi dan hak asasi.

Pengerusinya, Tian Chua berkata, menerusi kempen itu, Gagasan menuntut agar Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dimansuhkan manakala mereka yang ditahan mengikut akta itu, dibebaskan segera.

Menurutnya, Gagasan juga menyifatkan masalah politik dan ekonomi negara sekarang mencetuskan krisis keyakinan terhadap kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Turut hadir ialah wakil NGO dari parti politik iaitu Ahmad Md Nor (DAP); Syed Husin Ali dan Dr Sanusi Ahmad (Parti Rakyat Malaysia); Irene Fernandez (Tenaganita); Zaid Kamaruddin dan Ahmad Jamali Sepihie (Jemaah Islam Malaysia) dan Dr Chandra Muzafar (Pergerakan Keadilan Sedunia/ Just)

Riben putih, menurut Gagasan, melambangkan prinsip keadilan dan layanan sama rata yang menjadi asas penting di dalam sesebuah masyarakat demokratik.

Menjawab pertanyaan pemberita, Dr Chandra berkata, rakyat kini mengharapkan perubahan dalam pelaksanaan undang-undang, manakala kebebasan kehakiman mesti dikekalkan.

(END)